

Anwar kemuka usul hilang kepercayaan kepada Muhyiddin

BH - 30/7/2021 mlr: 3

Minta berundur daripada jawatan Perdana Menteri

Laporan Saiful Haizan Hasam, Rohaniza Idris, Zanariah Abd Mutalib, Mohd Nasaruddin Parzi, Latifah Ariffin dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengemukakan usul hilang kepercayaan kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin dan berundur daripada jawatan Perdana Menteri.

Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson berkata, usul itu dihantar kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar

Azizan Harun kira-kira jam 3 petang, semalam selaras Peraturan 14(1)(h), 26(1)(d) dan 36(12) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perlembagaan Persekutuan.

“Dengan ini saya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mewakili ahli Dewan Rakyat mengemukakan usul seperti berikut:

“Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil ketetapan untuk hilang kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, ahli Parlimen Pagoh dan dimakzulkan (berundur) daripada jawatan Perdana Menteri dengan segera menurut Perlembagaan Persekutuan,” katanya pada sidang media di bangunan Parlimen.

Menerusi usul berkenaan, Anwar menyatakan kenyataan media Istana Negara semalam jelas membidas sikap Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Da-

tuk Seri Takiyuddin Hassan, yang mengelirukan Dewan Rakyat.

Ia berikutan kenyataannya di Dewan Rakyat pada Isnin lalu bahawa semua Ordinan Darurat dibatalkan pada 21 Julai, sedangkan sudah dititahkan supaya ia dibentang dan dibahas di Parlimen bagi tujuan pengungkapan.

Perkara itu berkait dengan pembatalan Ordinan Darurat

yang belum mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Anwar kesal apabila kerajaan cuba beberapa kali menangguhkan persidangan semalam selepas kenyataan Istana Negara itu, termasuk mewajibkan semua ahli Parlimen segera menjalani ujian saringan COVID-19 berikutan dua kes positif yang dilaporkan dalam kalangan petugas Parlimen.



“Saringan boleh dilakukan, tetapi tidak ada sebab kenapa perlu (persidangan) ditangguhkan. Kita tidak bantah saringan”

Anwar Ibrahim,
Ketua Pembangkang

“Saringan boleh dilakukan, tetapi tidak ada sebab kenapa perlu (persidangan) ditangguhkan. Kita tidak bantah saringan.

“Bagaimanapun, tiga kali (persidangan) ditangguh semata-mata untuk mengelak perbahasan, dengan tajuk usul yang saya bawa atas nama Ketua Pembangkang di bawah Peraturan Mesyuarat untuk memakzulkan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri,” katanya.

Sidang media itu turut dihadiri Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Mohamad Sabu dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Anwar turut menggesa Takiyuddin dan Azhar meletak jawatan.

Ditanya sama ada beliau akan menghadap Yang di-Pertuan Agong, Anwar berkata, pihaknya akan melihat perkembangan dalam beberapa hari ini.

“Jika perlu, kita akan mohon menghadap,” katanya.